



LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
FARMERS ORGANIZATION AUTHORITY MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO-BASED INDUSTRY MALAYSIA
Menara LPP
No. 20, Jalan Sultan Salahuddin
50480 KUALA LUMPUR
MALAYSIA
Atau Karung Berkunci 11005, 50990 KUALA LUMPUR



Tel : 603-2610 9600
Faks : 603-2697 0987
Portal Rasmi : <http://www.lpp.gov.my>
E-mel : info@lpp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

MENJELANG 100 HARI HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN (HPPNK) 2019

Sambutan Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) bagi tahun 2019 kali ini akan disambut pada 28 November hingga 1 Disember 2019 di Negeri Johor. Setiap tahun sambutan HPPNK diadakan sebagai tanda kerajaan menghargai sumbangan peladang, penternak dan nelayan yang menjadi penyumbang utama makanan di negara kita ini. HPPNK pada tahun ini merupakan salah satu platform kepada peladang, penternak dan nelayan untuk mengetengahkan hasil-hasil pertanian dan teknologi terkini serta membuka peluang perniagaan kepada mereka yang berminat dengan sektor pertanian.

20 Ogos 2019, merupakan “countdown” 100 hari menjelang Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Kebangsaan atau HPPNK 2019 yang bakal diadakan pada 28 November hingga 1 Disember 2019 bertempat di Plaza Angsana, Johor Bahru.

Mengimbas kembali sejarah Hari Peladang, sambutan Hari Peladang yang pertama telah diadakan pada 6 Ogos 1975 di Perkarangan Bangunan Parlimen yang dirasmikan oleh Allahyarham Tun Hj. Abdul Razak Hussin, Mantan Perdana Menteri Malaysia ke-2.

Pada kali ini, HPPNK 2019 yang diadakan di Plaza Angsana, Johor Bahru bermula 28 November hingga 1 Disember 2019, bakal dirasmikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Ekspo pertanian yang bertemakan ‘Makanan Kita Masa Depan Kita’ menyediakan ruang pameran dan jualan terbahagi kepada enam (6) kluster utama iaitu Makanan Dan Minuman, Gaya Hidup, Kesejahteraan, Hasil Pertanian, Agro Teknologi dan Pembangunan Modal Insan.

Enam (6) kluster tersebut bakal mengetengahkan 15 komponen dalam HPPNK 2019 sepanjang empat (4) hari ekspo berlangsung iaitu:

LAHIR PELADANG PROGRESIF



1. Anugerah Pertandingan HPPNK
2. Konvensyen / Seminar HPPNK
3. Agro Teknologi
4. Agro Pelancongan
5. Agro Kulinari
6. Agro *Youth*
7. Forum Perdana
8. Budaya & Senitani
9. Kenduri Rakyat Nasi Ambeng
10. Pameran Jabatan/Agensi/Swasta & Jualan
11. Program / Majlis
12. Kewangan
13. Promosi
14. Rakan Strategik
15. Sekretariat

Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019 yang melibatkan kerjasama antara Kerajaan Negeri Johor dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di mana Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) sebagai Agensi Pelaksana, bakal memberi peluang dan ruang kepada masyarakat peladang, penternak dan nelayan melalui ekspo yang berlangsung sama ada melalui pemerhatian dan pembelajaran dalam teknologi baharu pertanian, mencari ruang pasaran, mempamer serta mempromosi produk masing-masing.

Penganjuran sambutan seperti ini diharap dapat menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian dan memberikan semangat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan kerana usaha ini boleh menjana pendapatan yang tinggi bagi mereka yang berkecimpung dalam bidang pertanian.

#####

**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
20 OGOS 2019**

*Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:
Encik Mohd Hanifa bin Awang Su
Pengarah Bahagian Hal Ehwal Korporat
Lembaga Pertubuhan Peladang
012-4390773*